KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	BERITA HARIAN			
TARIKH	:	23.09.22	MUKA SURAT	:	23
JABATAN	:	JMG			

BH Rabu, 14 September 2022 Nasional 23

RM23.86 juta baiki 11 lokasi runtuhan, jalan rosak kritikal



Mohd Zolkafly (empat dari kiri) ketika meninjau lokasi kejadian runtuhan cerun, di Sungai Siput, semalam. (Foto Muhammad Zulsyamini Sufian Suri/BH)

Struktur tanah, taburan hujan tinggi antara punca tanah runtuh

Oleh Muhammad Zulsyamini Sufian Suri
bhnews@bh.com.my

Sungai Siput: Kerajaan Persekutuan memperuntukkan RM23.86 juta bagi membaiki 11 lokasi runtuhan cerun dan jalan rosak yang disifatkan kritikal sepanjang jalan dari Kampung Bawong ke Rancangan Penempatan Semula (RPS) Legap, di sini.

Pengerusi Jawatankuasa Infrastruktur Awam, Tenaga, Air dan Pengangkutan Awam negeri, Datuk Mohd Zolkafly Harun, berkata peruntukan diperoleh melalui Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) dengan tarikh mula projek pada 7 September lalu dan dijangka siap pada 4 Mac 2025.

Mohd Zolkafly yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Lintang, berkata, pembaikan 11 lokasi itu penting kerana ia bukan sahaja bagi kegunaan penduduk setempat khususnya Orang Asli kawasan terbabit, malah digunakan bagi aktiviti pembalakan berlesen serta populariti beberapa tempat lokasi tarikan pelancong.

"Jalan ini juga laluan utama ke pusat pelancongan popular dekat sini sekarang iaitu Pos Kuala Mu dan Pos Yum. Jadi jika tidak dibaiki ia bukan hanya membahayakan penduduk, tetapi juga kepada kebanyakan pelancong, pegawai kerajaan dan pembalak yang menggunakan jalan utama ini.

"Antara faktor cerun dan jalan di sepanjang laluan ini rosak teruk adalah kerana pengukuhan struktur tanah yang tidak kuat, sekali gus menyebabkan ia mudah runtuh, selain kadar taburan hujan yang agak tinggi sejak kebelakangan ini," katanya kepada pemberita ketika menyempurnakan Majlis Pecah Tanah bagi Projek Pembaikan Cerun dan Jalan dari Kampung Bawong ke Rancangan Penempatan Semula (RPS) Legap, di sini semalam.

Yang turut hadir, Pengarah Jabatan Kerja Raya (JKR) Perak, Hamdan Ali.

Mohd Zolkafly berkata, jumlah peruntukan itu adalah sebahagian daripada keseluruhan peruntukan melebihi RM200 juta bagi kerja pembinaan jalan serta pembaikan cerun bagi kawasan Lintang termasuk projek jalan yang menghubungkan kawasan itu dengan daerah Hulu Perak.

Katanya, ia meliputi RM94 juta untuk pembinaan jalan baharu dari Kampung Bawong ke Perkampungan Orang Asli Pos Kemar di Gerik serta pembinaan jalan dari Kampung Raja Intan Suraya, di sini ke Kampung Beng di Lenggong membabitkan kos RM140 juta.

Syarikat pembalakan

Dalam perkembangan berkaitan, Mohd Zolkafly berkata, pihaknya mendapat kerjasama baik dari syarikat pembalakan yang dikatakan menjadi penyebab kepada masalah jalan yang dikatakan sering rosak dan berlubang antara Kampung Bawong ke RPS Legap iaitu disebabkan penggunaan jentera serta kenderaan berat.

Beliau bagaimanapun menafikan kejadian cerun runtuh atau mendapan jalan sepanjang kawasan terbabit adalah disebabkan penggunaan jentera berat aktiviti pembalakan.

"Sebenarnya kita mendapat kerjasama daripada pembalak selepas isu jalan rosak ditularkan. Terdapat tindakan dibuat daripada syarikat pembalak itu sendiri menurap semula serta baiki jalan yang rosak akibat muatan balak.

"Jadi adanya komitmen dan kerjasama daripada syarikat pembalakan yang gunakan laluan ini dan setakat ini tiada lagi syarikat pembalak lain beri komitmen itu memandangkan ketika itu (isu tular), keluaran balak sudah habis dan dihentikan," katanya.